

30/06/1998

Penurunan SRR tidak tingkat inflasi

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya penurunan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) bagi bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan, tidak akan meningkatkan kadar inflasi kecuali bagi bahan yang diimport.

"Tidak sepatutnya berlaku inflasi. Bagaimanapun inflasi patut berlaku sekarang... inflasi yang tinggi. Tetapi kita mampu untuk mengawal inflasi di negara ini pada setiap masa.

"Satu-satunya perkara yang menyebabkan inflasi di negara ini ialah inflasi yang diimport," kata Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Sumber Air Negara di sini, hari ini.

Beliau ditanya sama ada kerajaan menjangka berlaku inflasi berikutan pengumuman Bank Negara Malaysia Jumaat lalu mengenai penurunan SRR daripada 10 peratus kepada lapan peratus, mulai 1 Julai ini.

Dengan memberikan contoh pembelian gula dalam mata wang asing, Perdana Menteri berkata, ia menyebabkan harga barangan lain turut naik.

"Kita membeli gula sekarang dengan menggunakan mata wang asing dan harganya kini naik. Disebabkan harganya naik, orang ramai turut cenderung untuk mencuba dan menaikkan harga barangan lain. Itu yang menyebabkan inflasi, bukannya kadar faedah," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Robert Rubin, Dr Mahathir berkata, antara lain Rubin turut bersetuju bahawa kadar faedah yang tinggi merosakkan ekonomi sesebuah negara.

Menurutnya, Rubin tidak menyuarakan perkara itu dalam pertemuan mereka, sebaliknya menimbulkannya kepada Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Tun Daim Zainuddin, pada majlis makan malam yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, malam tadi.

"Perkara itu ditimbulkan dalam pertemuan beliau dan Daim. Beliau setuju kadar faedah yang tinggi boleh merosakkan ekonomi negara," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, Rubin juga tidak menyuarakan cadangan supaya Malaysia membuka lebih luas sektor perbankan kepada pelabur asing.

"Tidak, tidak (bercakap) kepada saya. Dia mungkin menyuarakan perkara itu kepada orang lain. Tetapi saya memberitahu beliau, dalam urusan niaga mata wang, kita tidak tahu kepada siapa kita menjual, dan siapa membeli.

"Jadi, ia adalah sama seperti kita menjual dolar Amerika untuk ringgit Malaysia, jadi yang mana satu patut jatuh (nilai mata wang)?" katanya.

(END)